

SI KECIL KERAP MENGAMUK

Cari punca sebelum ambil langkah untuk mengatasinya



BERSAMA KAUNSELOR

Pn Siti Fatimah Abdul Ghani


Kaunselor Sokolaf
Sahayon Kaunselor Pasaka
Universiti Putra Malaysia
siti.fatimah@upm.edu.my

Saya kini bertugas sebagai tenaga pengajar di sebuah pusat penjagaan kanak-kanak serta tadika. Saya memilih kerjaya ini kerana sangat sukakan kanak-kanak. Meskipun baru sahaja bergraduasi, ia bukan halangan kepada saya men-ceburi bidang ini. Namun, saya agak kurang mahir untuk mengatasi masalah kanak-kanak yang mudah mengamuk dan menjerit. Saya perlukan panduan puan sebagai bimbingan.

NADIA
Melaka

Tidak dinafikan tugas mendidik anak kecil yang pelbagai ragam bukan mudah. Secara teorinya tampak mudah, namun pelaksanaannya memerlukan kemahiran dan kualiti emosi berkesan. Pun begitu, peranan yang anda pikul ketika ini mampu memberi pengalaman hebat yang boleh digunakan selama-lamanya.

Ada pelbagai tip untuk menangani kanak-kanak yang mudah mengamuk. Ia bermula daripada kesedaran dan kematangan emosi pen-



jaga seperti tenang, sabar, tabah dan kreatif. Kualiti ini perlu dipupuk dan dikembangkan secara bijak dan berterusan. Saya yakin anda ada kualiti sebegini apabila memilih kerjaya ini sebagai sumber pendapatan dan kebajikan secara umumnya.

Pelajari ilmu pendidikan awal kanak-kanak supaya anda lebih arif punca dan akibat berlakunya sesuatu tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak.

Berikut antara cara mudah mengatasi anak kuat mengamuk dan menjerit.

1. Letakkan anak di atas riba

- Ambil anak dan dudukkan di atas riba anda. Pegang dari belakang dan anda boleh membawa kepa-

lanya bersandar di dada.

2. Bisikan sesuatu

- Bisikan pada mereka dan beritahu anda dekat padanya serta memahami perasaan mereka.

3. Membaca doa

- Bagi Muslim, boleh ajarkan ayat tertentu. Bagi yang bukan Muslim, anda boleh tenangkan mereka dengan mengajar kaedah moral.

4. Kata-kata kasih sayang dan memujuk

- Tenangkan mereka dengan kata-kata kasih sayang, namun anda juga perlu bertenang.

5. Jangan marah

- Jangan sesekali marah, menjerit atau memukul kononnya untuk mendisiplinkan mereka. Ini akan menjadikannya

anak yang pengecut atau suka memberontak. Tidak mustahil anak kuat menjerit kerana sudah biasa dengan keadaan rumah atau ibu dan ayah kuat menjerit.

6. Berbincang dengan ibu bapa

- Perbincangan kaedah terbaik. Perbincangan harus dimulai dengan nada yang baik, lancar dan pemilihan perkataan baik. Sebaliknya, nyatakan kepentingan perbincangan itu bagi membimbing anak menjadi lebih baik dan cemerlang. Elakkan pertikaian atau menuding jari serta menyalahkan ibu bapa.

Bagaimana pula jika anak tidak mahu dipegang?

1. Biarkan seketika

- Anda duduk tidak jauh

dari anak itu dan biarkan dia melayan perasaan sendiri untuk seketika.

2. Ucapkan kasih sayang

- Sebutkan anda sayangnya dan dia boleh meregek dan menangis untuk melepaskan rasa tidak puas hati.

3. Beri sedikit ruang padanya

- Katakan padanya, jika sudah puas mengamuk dan menjerit, dia boleh datang kepada anda dan boleh bercakap dengan baik apa yang dikehendaki.

4. Nasihat

- Apabila sudah tenang, barulah beritahu dia tidak perlu mengamuk, sebaliknya beritahu anda apa yang dikehendaki. Jika boleh anda tumpukan perhatian kepadanya dan beri apa yang dikehendaki selagi tidak melampau.

5. Alihkan perhatian

- Untuk mengalihkan perhatian mereka, anda perlu fleksibel dalam menawarkan permainan atau aktiviti selainnya. Alihkan fokus mereka kepada perkara lain supaya tanpa disedari mereka terlupa tingkah laku atau reaksi sebelumnya.

Secara keseluruhannya, anda perlu menambah pengetahuan dengan menghadiri kursus berkaitan serta membaca. Jadikan pengalaman harian sebagai latihan intensif persendirian anda. Selamat mencuba.